

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2015

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) berikutan dengan suntikan RM2 bilion ke dalam Powertek Investment Holding (PIH) oleh Tan Sri Ananda Krishnan, berapakah peratusan ekuiti beliau di dalam PIH; dan

(b) adakah benar Tan Sri Ananda menyuntik RM2 bilion itu bagi membolehkan PIH mendapat pinjaman jangka pendek RM2 bilion tersebut dari konsortium bank-bank.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada suntikan dana oleh Tan Sri Ananda Krishnan ke dalam Powertek Investment Holdings (PIH) dan beliau juga tiada sebarang pegangan ekuiti di dalam PIH.